

19 JUL 1997

MAHATHIR MELAKUKAN LAWATAN BEKERJA KE JEPUN

Oleh: Zainoor Sulaiman

OKAYAMA, Jepun, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sedang dalam rangka lawatan bercuti dan juga bekerja selama tujuh hari di Jepun berlepas ke Toyama pagi ini untuk melawat industri kereta dan kereta api.

Setibanya di Toyama Perdana Menteri dan rombongannya dibawa melawat kilang kereta Matsuoka yang khusus mengeluarkan kereta antik dan klasik dengan menggunakan enjin Nissan.

Presiden syarikat itu Susumu Matsuoka memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai operasi syarikat yang telah ditubuhkan pada 1968 itu.

Kilang kereta itu mempunyai kira-kira 100 pekerja dan mengeluarkan 10 unit kereta sebulan dengan harga dalam lingkungan antara 1.5 juta Yen (AS\$30,000) dengan 3.5 juta Yen (AS\$70,000) sebuah.

Duta Malaysia Tan Sri Mohamad Khatib Abdul Hamid dan Pengarah Urusan Perodua Datuk Abdul Rahman Omar mengiringi Dr Mahathir semasa lawatan ke kilang itu.

Dr. Mahathir kemudiannya menghadiri majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Gabenor Toyama Yutaka Nakaoki.

Pada sebelah petang, beliau akan melawat Kurobe Kyokoku Railway Ltd dan menaiki kereta api merentasi lereng bukit yang mempunyai pemandangan yang indah itu dari Kuronagi ke Unazuki. Perjalanan itu dijangka mengambil masa selama setengah jam. Beliau akan kembali ke sini pada petangnya.

Perdana Menteri tiba di sini malam tadi selepas lawatan persendirian ke Kobe.

Esok, Dr. Mahathir dijadualkan bertemu dengan Gabenor Okayama, Masaaahiro Ishii dan menemui ahli politik dan pemimpin perniagaan tempatan.

Pada hari Isnin beliau akan mengadakan dialog dengan beberapa pemimpin perniagaan, ahli akademik dan ahli politik.

Perdana Menteri akan kembali ke Kuala Lumpur pada 22 Julai bagi mengakhiri tempoh "bercuti dan juga bekerja" beliau selama dua bulan di seberang laut. -- BERNAMA

ZS RI NMO